

# Kempen PruBSN AnugerahPlus Lindungi Bersama

## Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel dan maklumat untuk dihubungi/nombor telefon yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 15 Februari 2021.
4. Kelayakan Kempen:
  - a. Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baru) **PruBSN AnugerahPlus** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dalam bulan Januari 2021, di mana sijil tersebut haruslah diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum 15 Februari 2021 ("Pelanggan yang Layak").
  - b. Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dan tiada sumbangan tertunggak pada 1 Mac 2021.
  - c. **Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
    - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui **PruBSN Mobility** atau **PruBSN Touch**, atau
    - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran atas talian memalui **PruBSN Mobility** atau **PruBSN Touch**
5. Ganjaran Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat **langganan PERCUMA PruBSN Aman** ("Ganjaran") berdasarkan syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan setiap Sijil	Ganjaran setiap Sijil
PruBSN AnugerahPlus	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sumbangan Tahunan Minimum RM1,800*</li><li>• Dilampirkan dengan rider Cancer Protector dan/atau Crisis Shield dan/atau Crisis Protector</li></ul>	<b>Langganan PERCUMA PruBSN Aman bernilai RM120</b>

\*Tidak termasuk Takaful Saver

- a. Pelanggan yang Layak akan menikmati langganan percuma PruBSN Aman yang bernilai RM120 sumbangan pendahuluan. PruBSN Aman merupakan pelan takaful keluarga berdasarkan komuniti Peer-to-Peer (P2P) yang memberikan perlindungan terhadap kematian dan manfaat Khairat sehingga RM10,000. Keterangan lanjut mengenai PruBSN Aman boleh didapati di [www.prubsn.com.my/ms/protection/prubsn-aman/](http://www.prubsn.com.my/ms/protection/prubsn-aman/)
- b. Pelanggan yang Layak hanya akan menerima satu (1) langganan PruBSN Aman secara percuma tanpa mengira bilangan sijil yang memenuhi kelayakan Kempen ini seperti di atas.
- c. Hanya peserta baru PruBSN Aman yang akan menikmati langganan PruBSN Aman secara percuma untuk Kempen ini.
- d. Pelanggan yang Layak akan menerima langganan percuma PruBSN Aman mulai 1 April 2021.
- e. Penebusan langganan PruBSN Aman secara percuma ini hendaklah dilakukan sebelum 30 April 2021. Untuk proses pengesahan, RM1 akan dikenakan dan kemudiannya akan dikembalikan.
- f. Peserta yang layak adalah tertakluk pada syarat penggunaan PruBSN Aman sewaktu berjaya membuat penebusan langganan percuma tersebut.
6. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS atau e-mel yang dihantar kepada nombor telefon atau alamat e-mel pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch.
7. PruBSN boleh menggantikan Ganjaran tersebut dengan barang lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
8. Ganjaran tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
9. Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma dan syarat sijil yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
10. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran pulangan tunai tersebut adalah tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di atas dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
11. Sekiranya terdapat sebarang perengganahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.